



**MEMO**  
**CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**  
**JABATAN TENAGA MANUSIA**

Rujukan : JTM/HQ/100-1/1/10 Jld 3(48)

Tarikh : 32 Januari 2019

<b>PERKARA :</b>	<b>KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN</b>	
<b>DARIPADA :</b>	KPP(PS)	<b>SALINAN:</b> (i) KP (ii) TKP (iii) P(KP) (iv) Fail
<b>KEPADА :</b>	Semua Pengarah Bahagian Ibu Pejabat Semua Pengarah ILJTM	

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bil. JPA(S)187/20 Jld.18(2) bertarikh 16 Januari 2019 adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dipanjangkan surat edaran dari pihak JPA behubung perkara di atas untuk makluman dan tindakan YBrs. Dr/ tuan/ puan jua. Dengan adanya penetapan dari JPA ini bermakna pegawai/ kakitangan JTM yang akan keluar negara boleh menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan mengikut **peraturan yang telah dinyatakan dalam Perenggan 3** surat edaran tersebut.

3. Selain itu, **Perenggan 5** surat edaran tersebut turut menegaskan bahawa "bagi lawatan persendirian yang lain dalam tahun kalender yang sama yang mana perlindungan insurans kesihatan tidak ditanggung oleh Kerajaan, **Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai Perkhidmatan Awam diwajibkan mengambil perlindungan insurans kesihatan atas tanggungan sendiri sebelum boleh dibenarkan ke luar negara atas urusan persendirian.**" Sehubungan itu, adalah diingatkan supaya semua pegawai dan kakitangan JTM yang ingin memohon kebenaran ke luar negara perlu **mengemukakan salinan insurans kesihatan persendirian (sekiranya telah menggunakan perlindungan insurans kesihatan yang ditanggung oleh kerajaan)** bagi **setiap permohonan perjalanan ke luar negara sebelum diangkat untuk pertimbangan Ketua Jabatan.** Sebagai peringatan jua, **had maksimum perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian masih tertakluk kepada empat (4) kali setahun dan perjalanan ke luar negara bagi bulan Januari adalah tidak dibenarkan kecuali perjalanan yang melibatkan urusan keagamaan seperti umrah dan haji.**

4. Kerjasama YBrs. Dr/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

**'Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara'**

  
( NOOR EMMA HIZAN BINTI HIJAS )



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

---

JPA(S)187/20 Jld.18 ( 2 )

**16** Januari 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA  
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Kerajaan telah menyediakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian seperti dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2015 (PP 6/2015) dan Surat Edaran JPA(S)187/20 Jld.16 (41) bertarikh 17 Ogos 2018. Dalam hal ini, Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah dilantik sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian di bawah Takaful My Ar-Rehlah bagi tempoh sehingga **31 Disember 2018**.
  
3. Sehubungan itu, bagi memastikan kesinambungan kemudahan ini kepada pegawai Perkhidmatan Awam tidak terjejas semasa proses peralihan dan pelantikan syarikat penanggung insurans yang baharu, mulai **1 Januari 2019 sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kelak**, pegawai Perkhidmatan Awam yang akan keluar negara atas urusan persendirian boleh menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan mengikut peraturan-peraturan seperti berikut:



- (a) secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) di mana pegawai hendaklah mendahuluikan bayaran premium dan kemudian menuntut balik bayaran berkenaan daripada Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan resit berkaitan;
- (b) kadar premium yang ditetapkan adalah terhad kepada kadar premium mengikut negara dilawati seperti di **Lampiran A**; dan
- (c) pegawai yang membuat tuntutan bayaran balik premium dianggap telah menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian bagi tahun 2019.

4. Dalam melaksanakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) seperti di perenggan 3 di atas, syarat-syarat pelaksanaan seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 4, 5 dan 6 PP 6/2015 adalah terpakai.

5. Bagi lawatan persendirian yang lain dalam tahun kalender yang sama yang mana perlindungan insurans kesihatan tidak ditanggung oleh Kerajaan, Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai Perkhidmatan Awam diwajibkan mengambil perlindungan insurans kesihatan atas tanggungan sendiri sebelum boleh dibenarkan ke luar negara atas urusan persendirian.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



A handwritten signature in black ink, appearing to read "Borhan Dolah". It is written in a cursive style with some vertical lines extending downwards from the main strokes.

**(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)**

## Lampiran A

### KADAR PREMIUM INSURANS KESIHATAN BAGI KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Bil Hari	Kadar Premium Insurans Kesihatan (RM)		
	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3
1-5	32	42	52
6 - 10	46	64	80
11 - 18	62	103	120
19 - 31	72	119	170

Kawasan 1	Singapura, Brunei, Thailand, Indonesia, Filipina, Myanmar, Nepal, Kemboja, Laos, China, India, Jepun, Korea Selatan, Korea Utara, Pakistan, Sri Lanka, Taiwan, Vietnam, Hong Kong, Macau dan di dalam Malaysia.
Kawasan 2	Seluruh dunia kecuali USA/ Kanada dan negara-negara di Kawasan 1.
Kawasan 3	USA/Kanada